

Kerajaan sedia serah bina lebuhraya kepada anti tol

UM 21 SEP 1990
MEGAT DEWA 20 Sept. —
Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir hari ini berkata, kerajaan bersedia menyerahkan urusan pembinaan dan pengurusan lebuhraya di negara ini kepada mana-mana pihak yang berminat bagi membuktikan bahawa ia boleh diuruskan tanpa mengenakan tol.

Serentak dengan itu beliau menawarkan pengurusan Lebuhraya Bukit Kayu Hitam - Johor Baharu kepada Jawatankuasa Anti-Tol yang diketuai oleh Dato' Haji Harun Idris dan Syed Hussein Ali untuk melaksanakan pembinaannya tanpa memungut tol.

Bercakap kepada para pemberita di akhir majlis 'LPN Turun ke Bendang' di sini hari ini Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, jawatankuasa tersebut telah menghantar surat kepada beliau semalam meminta kerajaan menghapuskan kesemua tol yang dikenakan ke atas para pengguna lebuhraya di seluruh negara.

Secara berseloroh Perdana Menteri berkata, "Saya ingin menawarkan kepada Syarikat Harun Idris dan Syed Hussein Ali Incorporated untuk mengurus pembinaan Lebuhraya Bukit Kayu Hitam - Johor Baharu untuk ditadbirkan tanpa mengutip tol."

"Kita nak tengok boleh atau tidak mereka mengurus lebuhraya itu dengan baik tanpa sebarang bantuan kewangan dari kerajaan dan pengguna tidak dikenakan tol," ujarnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, matlamat tindakan jawatankuasa ini adalah semata-mata untuk memancing undi rakyat kerana kerajaan tahu siapa mereka.

Sambil menegaskan bahawa kerajaan memerlukan sejumlah wang yang besar untuk membina lebuhraya di negara ini maka adalah wajar rakyat yang menikmati kemudahan itu turut sama menyumbang kepada pembinaannya dengan membayar tol sebagai tanda berterima kasih.